

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN HONG PIN [BAKRI]

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan peruntukan Kementerian untuk membantu operasi van-hailing seperti MOBI dan KUMPOOL bagi meningkatkan liputan pengangkutan awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) telah memperkenalkan perkhidmatan *Bus On Demand* (BOD) secara *Proof of Concept* (POC) bermula 1 September 2022. Perkhidmatan ini merupakan suatu perkhidmatan membawa penumpang menggunakan kenderaan bersaiz kecil seperti bas mini, *coaster* atau van di mana tempahan dibuat secara atas talian melalui aplikasi syarikat BOD masing-masing serta beroperasi di hentian-hentian di dalam zon yang diluluskan APAD.
2. Setiap syarikat yang berminat akan diberikan peluang untuk mencadangkan zon operasi dan menentukan hentian-hentian yang strategik dalam memastikan objektif perkhidmatan tersebut tercapai selain memastikan pengguna mempunyai alternatif tambahan dalam mengatur pergerakan dari suatu lokasi ke suatu lokasi yang lain.
3. Antara syarat-syarat yang ditetapkan dalam perkhidmatan BOD adalah syarikat perlu mewujudkan suatu aplikasi BOD dengan spesifikasi minima bagi melindungi keselamatan pemandu dan penumpang, mempunyai perlindungan insurans meliputi pemandu, penumpang dan pihak ketiga, melantik pemandu berumur tidak kurang 21 tahun yang mempunyai lesen vokasional kenderaan perkhidmatan awam (PSV) dan menggunakan kenderaan yang telah dilesenkan oleh APAD sahaja.
4. Memandangkan perkhidmatan BOD dilaksanakan secara POC sehingga 31 Ogos 2024, justeru Kementerian tidak menyediakan peruntukan bagi perkhidmatan ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah memberi kelonggaran kepada syarikat dengan membenarkan mereka menetapkan kadar tambang masing-masing dan tidak tertakluk kepada kadar tambang semasa bas berhenti-henti.
5. Mana-mana pihak yang berminat boleh mengemukakan kertas cadangan kepada Unit Bas, Ibu Pejabat APAD. Kertas cadangan tersebut hendaklah menyatakan kaedah pengoperasian dan kaedah pengiraan

NO. SOALAN: 65

tambang yang akan dikenakan kepada penumpang dengan mengambil kira kos yang ditanggung.

Sekian, terima kasih.